

02/12/2000

Akhbar Singapura tidak wajar seret Malaysia masuk kemelut Gus Dur

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemuda Umno mengingatkan akhbar Straits Times Singapura supaya tidak menyeret Malaysia ke dalam kontroversi kritikan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid.

Timbalan Pengerusi Biro Penerangannya, Dr Khairul Azmi Mohamad, berkata sebarang persoalan mengenai hubungan dua hala di antara Singapura dan Indonesia perlu diselesaikan mengikut saluran diplomatik.

"Sikap membawa Malaysia dalam kemelut antara Singapura-Indonesia akan menyulitkan hubungan dua hala dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku.

"Sewajarnya, media seperti juga pemimpin Asean perlu bekerja atas semangat kesepakatan untuk mengukuhkan kerjasama antara negara di rantau ini," katanya ketika mengulas laporan akhbar itu yang menyeret Malaysia ke dalam kontroversi kritikan Abdurrahman bahawa republik itu hanya mementingkan keuntungan serta sama ada Malaysia dan Indonesia akan memotong bekalan air ke Singapura.

Ruang yang ditulis wakil akhbar itu di Jakarta menyatakan, dalam dua kejadian sebelum Abdurrahman menyelar Singapura, pemimpin Indonesia itu mengadakan perjumpaan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Khairul berkata, akhbar itu tidak harus memburuk atau menyalahkan pemimpin negara jiran, sebaliknya menyerahkan isu air atau kepentingan bersama diselesaikan di peringkat atasan.

Sebarang campur tangan, katanya, akan melonggarkan semangat permuafakatan dan dasar tidak campur tangan dalam negara anggota Asean.

Bagaimanapun, katanya, tulisan dalam akhbar berkenaan adalah pandangan wartawan, bukan pandangan rasmi kerajaan Singapura berhubung kritikan Abdurrahman terhadap republik itu.

"Sebab itu media perlu lebih berhati-hati ketika mengeluarkan pandangan supaya tidak disalah tafsir dan memberi kesan emosi kepada rakyat Malaysia, Indonesia atau Singapura.

(END)